



Tarikh Iklan : 06.08.2026

**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**


KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada **syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kod bidang yang berkaitan seperti berikut:-

NO. SEBUT HARGA	PERKARA	KOD BIDANG
S0076/26 (RM50.00)	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN BAGI MENGIRINGI DAN MENGHANTAR WANG KE BANK UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON	220801
S0077/26 (RM50.00)	PERKHIDMATAN MEREKA, MENCETAK DAN MENGHANTAR BIL CUKAI TAKSIRAN DAN BIL NOTIS E MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON BAGI TAHUN 2027 DAN 2028	221606
S0095/26 (RM150.00)	MEMBEKAL PERABOT DAN KELENGKAPAN BERASASKAN KAYU/FABRIK DAN LOGAM UNTUK MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON BAGI TAHUN 2026	020101 / 020199

1. Setiap dokumen sebut harga boleh dibeli di **Bahagian Perolehan, Blok A, MPPD mulai 13 Ogos 2026 (Khamis)**. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan.
2. Pembekal hendaklah membawa sijil berikut semasa pembelian naskah sebut harga :-
 - a) Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - b) Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia
 - c) Sijil Pembekal MPPD
 - d) Sijil Pematuhan Cukai atau *Tax Compliance Certificate* (TCC)
3. Pembekal perlulah berdaftar sebagai pembekal dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. **Pendaftaran Pembekal** boleh dibuat di **Bahagian Perolehan, Blok A, MPPD**.
4. **Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada pembekal atau wakil pembekal yang sah serta membawa surat perwakilan kuasa yang sah sahaja.** Pembekal atau wakil tidak dibenarkan untuk membeli naskah sebut harga bagi pembekal lain.

5. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga **sebelum atau pada 20 Ogos 2026 (Khamis) jam 12.00 tengah hari** di Bahagian Perolehan, Blok A, MPPD.
6. Nombor sebut harga dan juga tajuk bekalan/perkhidmatan hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. **Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan. MPPD berhak untuk tidak menerima sebut harga yang lewat daripada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.**
7. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walau bagaimanapun MPPD berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
8. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat. MPPD berhak membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi apa-apa alasan.
9. MPPD adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. MPPD berhak untuk membatalkan tawaran sebut harga ini sekiranya pihak syarikat terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani. **Keputusan Jawatankuasa Perolehan Sebut Harga adalah muktamad.**

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **HASNOR BIN ABD HAMID**

Jawatan : **YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**

Tarikh : **6/8/2026**

Kaunter Jualan Sebut Harga Beroperasi Mengikut Ketetapan Seperti Berikut :-

**ISNIN - KHAMIS - 8.30 PAGI HINGGA 12.30 TENGAHARI
- 2.30 PETANG HINGGA 3.30 PETANG**

JUMAAT - 8.30 PAGI HINGGA 12.00 TENGAHARI